

Usaha bina negara usah abai nilai murni, kemanusiaan

Negara jadi hebat dari institusi keluarga tekankan erti kasih sayang, rahmah dalam kehidupan

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan penerapan nilai murni, akhlak dan kemanusiaan tidak boleh diabaikan dalam usaha membina negara.

Tanpa nilai berkenaan, kata Perdana Menteri, amalan kemungkaran, rasuah dan penyelewengan akan berleluasa.

"Kadang-kadang dalam membina negara, nilai ini tidak sangat ditekankan, sebaliknya yang sering ditekankan ialah soal pembangunan, ekonomi dan pekerjaan. Itu petanda keruntuhan atau bibit permulaan keruntuhan sesebuah negara," katanya.

Berucap melancarkan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) 2023, di sini semalam, beliau berkata, penerapan nilai murni menjadi asas kepada pembentukan masyarakat dan negara MADANI.

Memetik ahli falsafah, Abdul Rahman Ibnu Khaldun mengenai kecintaan generasi awal kepada negara, Anwar menegaskan, sesebuah negara akan menjadi hebat sekiranya nilai murni dipupuk bermula daripada institusi keluarga.



Anwar meluangkan masa menyaksikan aktiviti yang diadakan sempena majlis perasmian sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2023 di Dataran Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

"Negara MADANI boleh dipupuk dan diangkat bermula dari institusi keluarga," katanya sambil menambah sesebuah negara boleh diangkat. sekiranya diurus lebih cekap dengan memupuk nilai kekeluargaan yang menolak kemungkaran, rasuah dan penyelewengan.

"Apa bezanya MADANI dengan konsep lain? MADANI itu menekankan soal nilai, akhlak, kemanusiaan dan kadang-kadang dalam membina negara tidak ditekankan. Ditekankan soal pembangunan, ekonomi, pekerjaan.

"Semua itu penting, tetapi negara itu akan jadi hebat dan tamadun terangkat sekiranya dipupuk nilai itu. Bila kita sebut nilai keyakinan, akhlak, ihsan dan kemanusiaan, itu semua dipupuk daripada latihan dan keluarga," katanya.

Kepada pemimpin, Anwar berpesan, keupayaan mereka dinilai

daripada kejayaan membentuk institusi keluarga yang harmoni.

"Orang menilai keupayaan ketua masyarakat, baik penghulu atau ketua kampung, apa lagi menteri. Dinilai juga dari sudut keupayaan mengawal, mendidik, mengasuh dan mengasahi keluarga.

"Sebagai contoh, kalau keluarganya porak peranda, sukar nak dibentuk masyarakat. Kalau keluarganya porak peranda, sukar diatur negara kerana orang melihat keupayaan itu," katanya.

Anwar berkata, penerapan nilai itu yang bermula dari institusi keluarga, menjadikan masyarakat Malaysia terlatih untuk berkasih sayang dan bersifat rahmah.

"Dunia sekarang seperti mana dipaparkan saban hari tentang kekejaman dan keganasan di Gaza, membuatkan kita tersentuh hati nurani. Sebab kita dilatih

untuk kenal apa itu ihsan, kasih sayang, rahmah dan erti kemanusiaan," katanya.

Anwar turut menyatakan penghargaan terhadap komitmen Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri yang memperjuangkan kedudukan wanita serta anak-anak di negara ini.

"Kalau ini contoh yang ditunjukkan Nancy, saya percaya semangat keluarga harmoni dapat dipupuk kerana pimpinan dalam KPWKM ada komitmen dan dedikasi yang sangat tinggi, hebat serta luar biasa," katanya.

Sementara itu, Nancy berkata, Anugerah Khas Kasih MADANI diperkenalkan sempena sambutan BKK2023 sebagai pengiktirafan kepada majikan yang melaksanakan amalan dan dasar mesra keluarga di agensi atau syarikat masing-masing.